

22/01/2005

Aidiladha disambut penuh kesyukuran

By Ahmad Naim Tahir; Sariha Mohd Ali; Munaarfah Abu Bakar; Jalal Ali Abdul
KUALA LUMPUR: Umat Islam seluruh negara menyambut Aidiladha dengan penuh kesyukuran selepas tragedi tsunami melanda rantau ini apabila beramai-ramai bersama pemimpin dan pelbagai lapisan masyarakat menunaikan solat sunat Aidiladha dan ibadah korban, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 1,000 umat Islam di Masjid Al-Jamiul Badawi di Kepala Batas.

Beliau yang tiba kira-kira jam 8.50 pagi terus menyertai solat yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar.

Abdullah menyumbang 41 ekor lembu untuk dikorbankan bagi seluruh kawasan Parlimen Kepala Batas.

Di KUANTAN, Sultan Pahang, Tengku Mahkota Pahang dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob menunaikan solat sunat Aidiladha bersama 2,000 umat Islam di Masjid Tengku Ampuan Afzan di Bandar Indera Mahkota di sini.

Selepas selesai solat, Sultan Pahang bersalaman dengan jemaah dan mengagihkan duit raya kepada kanak-kanak.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pula bersolat raya bersama lebih 1,000 jemaah di Masjid Sultan Ahmad Shah di Pekan.

Najib dan isteri, Datin Seri Rosman Mansor kemudian mengadakan rumah terbuka sempena Aidiladha di kediaman mereka di Pekan bermula jam 10 pagi.

Di PERAK, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah dan Raja Muda, Raja Dr Nazrin Shah berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 3,000 umat Islam di Masjid Sultan Idris Shah II di Ipoh.

Raja Di Hilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa, barisan Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri turut menunaikan solat itu.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor, Sultan Iskandar Al-Haj dan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail berkenan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi.

Selepas menunaikan solat, baginda mengucapkan terima kasih kepada rakyat negeri yang tampil memberikan sumbangan terhadap mangsa tsunami di Malaysia dan Asia.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al Muktafi Billah Shah. Baginda diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhatar Abdullah.

Selepas menyempurnakan solat, baginda diiringi Idris mengunjungi makam diraja di pekarangan masjid berkenaan.

Sementara itu, Idris menyumbang sembilan ekor lembu untuk ibadah korban yang akan diadakan di pekarangan kediamannya di Kampung Tok Has, diikuti rumah terbuka mulai jam 11 pagi.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah hadir bersama lebih 10,000 rakyat negeri itu menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengadakan rumah terbuka sempena Aidiladha di kediaman mereka di Titi Gajah, dekat sini.

Di SHAH ALAM, seramai 8,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sempena Aidiladha.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ramlan Othman dan exco Selangor adalah antara pemimpin yang menyertai rakyat bersembahyang di majlis berkenaan.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besarnya,

Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berada di tanah suci untuk menunaikan ibadah haji.

Di MELAKA, Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob, menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 8,000 jemaah di masjid negeri, Masjid Al Azim di Bukit Balah.

Turut sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Speaker Dewan Undangan Negeri; Datuk Mo'min Abd Aziz dan barisan Exco kerajaan negeri.

Di SEREMBAN, Tinjauan mendapati, majlis korban yang diadakan umat Islam termasuk di kawasan taman perumahan seperti Surau Garden Homes Fasa F di Seremban 2 memeriahkan sambutan Aidiladha.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat turut mengimamkan solat Aidiladha kira-kira jam 8.30 pagi semalam di Masjid Pulau Melaka, bersebelahan kediamannya.

Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra dan Raja Perempuan kini berada di Tanah Suci untuk menunaikan ibadat haji.

Di KOTA KINABALU, Yang di-Pertua Negeri, Tun Ahmadshah Abdullah bersama kira-kira 5,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri, Sembulan.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman bersembahyang sunat di Masjid Asma ul-usna, Kampung Tinusa Dua, Sandakan sebelum menghadiri sambutan Aidiladha di Kem Tentera Sri Kinabatangan, Sandakan.

Di PERLIS, sambutan hari raya Aidiladha disambut secara sederhana dengan umat Islam bersembahyang sunat di 100 masjid di sekitar negeri ini.

Di KUCHING, Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Jamek Petra Jaya bersama 3,000 umat Islam. Turut serta Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

(END) Source : Berita Harian